

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(B)(XVIII)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI ACHEH
YB. ZULKIFLI BIN IBRAHIM**

1. Banjir kilat selalu berlaku di Taman Sempadan dan Taman Pekaka serta sekitar sistem saliran di sekeliling USM Transkrian tidak dapat keluar dengan baik walaupun rumah pam di Kampung Haji Omar berfungsi dengan baik.
 - (a) Apakah tindakan segera yang perlu diambil selain menunggu kajian daripada USM siap?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

1. Air dalam sistem saliran di Taman Sempadan dan Taman Pekaka akan mengalir keluar ke Sungai Kerian melalui *outlet* yang berada berhampiran jalan sempadan iaitu sebelum pintu Ampang Jajar. Hanya sebahagian kecil dari air larian kawasan tersebut akan mengalir ke Rumah Pam Haji Omar sekiranya paras air dalam parit monson Transkrian adalah tinggi.

Masalah timbul apabila paras Sungai Kerian tinggi dan menyebabkan air dari sistem saliran dalaman tidak dapat mengalir keluar atau terhad. Ini berpunca daripada air pasang dan operasi pintu Ampang Jajar untuk menakung air sungai bagi tujuan bekalan pengairan.

Dalam kajian yang sedang di jalankan oleh pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah mengesyorkan pembinaan rumah pam bagi membantu mengalirkan air banjir semasa paras sungai tinggi .

- (a) Bagi tindakan segera, pihak JPS telah menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan parit-parit utama dan pintu air supaya tiada halangan bagi melancarkan aliran air di kawasan tersebut.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(B)(XVIII)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI ACHEH
YB. ZULKIFLI BIN IBRAHIM**

2. Kampung Sungai Chenaam menghadapi masalah sistem saliran yang telah sekian lama. Banjir kilat terutamanya apabila air laut pasang besar, walaupun longkang sedia ada masih tidak nampak untuk naik taraf. Apakah Kerajaan Negeri boleh menyegerakan di bawah JPS untuk memasang dan membina rumah pam di pintu air JPS bagi mengelakkan kejadian banjir kilat tidak berulang.

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

2. Kampung Sungai Chenaam berada di kawasan tanah rendah dan di tepi pantai. Kejadian banjir kilat berlaku apabila kawasan tersebut menerima keamatan hujan yang tinggi. Anggaran bilangan rumah yang terlibat setiap kali banjir adalah kurang daripada 50 buah.

Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPS) telah menjalankan siasatan dan mendapati punca utama banjir adalah disebabkan oleh sistem saliran dalaman yang telah uzur dan tidak diselenggara dengan baik. Tambahan pula, lintasan-lintasan individu yang dibina sendiri oleh penduduk telah menyebabkan laluan air terhalang.

Sistem saliran kampung ini juga bergantung kepada air pasang surut. Oleh yang demikian, keupayaan sistem saliran untuk menakung sementara kapasiti larian air adalah perlu agar kejadian banjir dapat dielakkan.

Cadangan pembinaan rumah pam berkapasiti tinggi di pintu air akan melibatkan kos yang tinggi. Berdasarkan kepada rumah-rumah pam yang telah dibina oleh pihak JPS, sekurang-

kurangnya peruntukan sebanyak RM10.0 juta diperlukan. Walau bagaimanapun, kajian keberkesanan perlu dibuat terlebih dahulu agar rumah pam yang dibina betul-betul memberi impak kepada banjir yang berlaku kerana punca utama banjir adalah sistem saliran dalaman.

Justeru, JPS berpendapat bahawa kerja-kerja membaik pulih dan menaik taraf sistem saliran dalaman oleh jabatan/agensi yang terlibat merupakan penyelesaian terbaik kerana ia akan melibatkan kos yang lebih rendah dan dapat disiapkan dalam tempoh yang lebih pendek serta dapat memberi impak yang tinggi dalam mengurangkan risiko banjir di kawasan tersebut.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(B)(XVIII)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI ACHEH
YB.ZULKIFLI BIN IBRAHIM**

3. Persimpangan Pekan Sungai Aceh sering berlaku kesesakan ketika waktu puncak walaupun waktu persekolahan masih belum bermula.
- (a) Apakah status pelebaran persimpangan tersebut?
 - (b) Apakah tindakan selanjutnya setelah isu yang berkaitan masjid dan bangunan Perda telah selesai?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

3. (a) Status cadangan menaik taraf jalan di Simpang Tiga Pekan Sungai Aceh adalah di peringkat kelulusan peruntukan tahun 2022 bagi tujuan lantikan perunding untuk menjalankan kajian dan reka bentuk persimpangan tersebut. Pihak Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang (JKR) juga telah melaksanakan kerja-kerja ukur sempadan jalan pada tahun 2019 untuk mengenal pasti rezab jalan sedia ada cukup untuk tujuan naik taraf persimpangan tersebut.
- (b) Berkaitan isu pagar masjid dan struktur tangga bangunan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) yang berada di rizab jalan, pihak JKR akan meneliti terlebih dahulu reka bentuk persimpangan yang dicadangkan oleh pihak perunding. Pihak perunding ini akan dilantik dan meneliti sama ada kedua-dua struktur tersebut perlu dirobuhkan ataupun boleh dikekalkan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(B)(XVIII)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI ACHEH
YB. ZULKIFLI BIN IBRAHIM**

4. Di Jalan Persekutuan lampu isyarat berhadapan CMART dan bulatan di Pekan Nibong Tebal terdapat lampu hiasan.
 - (a) Adakah peruntukan yang digunakan untuk pembinaan lampu hiasan itu digunakan daripada duit tabung sumbangan MBSP ataupun daripada peruntukan lain?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

4. Kerajaan Negeri melalui MBSP tidak terlibat dalam pembinaan lampu hiasan di kawasan lampu isyarat Jalan Persekutuan berhadapan CMART dan Bulatan Pekan Nibong Tebal. Kerja-kerja pemasangan lampu hiasan tersebut dilaksanakan melalui tajaan Program *Corporate Social Responsibility* (CSR) oleh tetuan Epic Valley Holding Group melibatkan kos sebanyak RM80,000.00.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(B)(XVIII)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI ACHEH
YB. ZULKIFLI BIN IBRAHIM**

5. Pada tahun 2019, Kawasan Penjaja Taman Ilmu, saya telah mengadakan lawatan bersama Ahli Majlis dan Pegawai MBSP serta Pegawai Pejabat Tanah SPS untuk penempatan semula penjaja dan binaan untuk penempatan tersebut.
- (a) Bilakah ianya akan dilaksanakan dan masa dijangkakan siap?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

5. Tapak penempatan semula penjaja di Taman Ilmu yang dicadangkan oleh YB. Tuan Zulkifli Bin Ibrahim pada tahun 2019 tidak dapat dilaksanakan sebagai tapak penjaja kerana tapak tersebut telah diberikan kelulusan kepada pihak pemaju iaitu JKP Sdn. Bhd. untuk menjalankan kerja-kerja tanah bagi pembangunan taman perumahan. Walau bagaimanapun, pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai telah cuba mendapatkan beberapa cadangan lokasi lain di kawasan tersebut.

Bagi memastikan perancangan untuk menempatkan penjaja-penjaja di sekitar kawasan tersebut dapat dilaksanakan, pihak MBSP akan mengadakan satu lawatan tapak susulan bersama wakil Pejabat YB. ADUN dan jabatan / agensi teknikal dalam masa terdekat bagi mendapatkan pandangan dan cadangan pelaksanaan serta lokasi bersesuaian dengan konsep yang lebih mudah diuruskan secara *mobile*.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(B)(XVIII)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI ACHEH
YB.ZULKIFLI BIN IBRAHIM**

6. Terdapat beberapa jeti nelayan sungai di DUN Sungai Aceh yang dibina tanpa kebenaran terpaksa dimusnahkan sewaktu pelaksanaan projek RTB Sungai Krian.
- (a) Apakah Kerajaan Negeri bercadang mempermudah permohonan para nelayan membuat permohonan untuk binaan jeti-jeti tersebut tanpa proses yang rumit dan ketat walaupun mereka tidak menubuhkan persatuan bagi permohonan tersebut?

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

6. Kerajaan Negeri mengambil maklum berkaitan beberapa jeti nelayan sungai di DUN Sungai Aceh yang terpaksa dimusnahkan akibat pelaksanaan Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Kerian. Jeti-jeti yang dimusnahkan itu dibina di atas tanah rizab JPS dan tanah Kerajaan Negeri, manakala pelaksanaan Projek RTB pula penting kepada persediaan pihak JPS bagi mengelakkan berlakunya banjir pada masa akan datang. Berdasarkan makluman daripada pihak Jabatan Perikanan (DOF) Negeri Pulau Pinang, masih terdapat beberapa jeti nelayan darat/sungai di kawasan Sungai Aceh. Antaranya ialah jeti Pengkalan Sempadan, Pengkalan Ampang Jajar, Pengkalan Kampung Teluk, Pengkalan Taman Ilmu, Pengkalan Parit Tok Mandin, Pengkalan Che Isa dan Pengkalan Tanjung Berembang.

- (a) Bagi permohonan baharu pembinaan jeti nelayan di atas tanah rizab Kerajaan Negeri, pemohon perlu memohon kepada Pejabat Daerah dan Tanah di daerah terlibat dan permohonan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) perlu dilaksanakan. Proses permohonan LPS ini melibatkan beberapa proses termasuklah lawatan tapak, penilaian teknikal oleh Jabatan Perairan dan Saliran (JPS) dan penyediaan kertas kelulusan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Negeri yang dipengerusikan sendiri oleh YAB Ketua Menteri. Bagi penilaian jabatan teknikal, pihak JPS akan memberi ulasan berkaitan kesesuaian lokasi dan keperluan-keperluan teknikal lain yang perlu dipatuhi untuk pembinaan jeti bagi memastikan kelulusan penggunaan tanah untuk tujuan pembinaan jeti kelak tidak mendatangkan masalah yang lain.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(B)(XVIII)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI ACHEH
YB.ZULKIFLI BIN IBRAHIM**

7. Kejadian pokok tumbang di kawasan Sungai Aceh disebabkan ribut dan angin kuat termasuk di kawasan PPRT Sungai Chenaam.
- (a) Apakah MBSP bersedia memotong dahan pokok teduhan dalam taman, PPRT Chenaam Jalan Negeri dan Jalan Persekutuan secara *one off* besar-besaran sebelum kembali pada rutin berjadual dan aduan kerana bahaya kepada pengguna jalanraya?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

7. (a) Pada ketika ini, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) melaksanakan kerja-kerja cantasan dahan pokok teduhan secara berkala di PPRT Chenaam Jalan Negeri dan Jalan Persekutuan. Bagi pokok teduhan yang berisiko pemantauan akan dilakukan secara berkala dan tindakan penyelenggaraan dilaksanakan dengan segera sekiranya pokok tersebut boleh mendatangkan bahaya kepada orang awam atau pengguna jalan raya. MBSP mempunyai *Respond Team* yang sentiasa bersiap siaga sekiranya berlaku sebarang bencana seperti ribut dan angin kuat di Seberang Perai termasuk di PPRT Sungai Chenaam. MBSP juga akan mengambil tindakan secara *one-off* sehingga kerja-kerja pembersihan tersebut selesai dilaksanakan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(B)(XVIII)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI ACHEH
YB. ZULKIFLI BIN IBRAHIM**

8. Sarang burung walit memberi hasil pulangan bernilai tinggi.
- (a) Nyatakan dasar Kerajaan Negeri untuk membangunkan industri burung walit di negeri ini bagi menerokai pasaran baru di Timur Tengah, Taiwan, Negara-Negara Komanwel, Amerika Dan Great Britain.

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

8. Berdasarkan data bancian terkini Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang (JPVPP), telah direkodkan terdapat sebanyak 324 buah premis burung walit dengan nilai pengeluaran tuaian di peringkat ladang sebanyak 7.97 tan metrik (MT)/tahun dan anggaran nilai jualan sebanyak RM25,505,280.00/tahun.

Daripada keseluruhan 7.97 MT sarang burung walit tersebut, 3.63 MT telah dieksport ke luar negara manakala baki sebanyak 4.34 MT dipasarkan untuk kegunaan di dalam negara bagi penghasilan produk yang berasaskan sarang burung walit.

- (a) Kerajaan Negeri telah menyediakan di bawah Peruntukan Pembangunan Jabatan (P.17) kepada JPVPP untuk menyediakan peruntukan bantuan yang khusus bagi pembangunan industri sarang burung walit pasca pandemik COVID-19. Peruntukan ini disediakan bagi meningkatkan produktiviti pengeluaran sarang burung walit di dalam

Negeri Pulau Pinang dan perincian bantuan tersebut bagi tahun 2021 adalah seperti di **Lampiran A**.

Kerajaan Negeri sentiasa mencari peluang bagi membangunkan sesuatu industri termasuklah industri burung walit memandangkan industri ini dapat memberikan hasil pulangan yang tinggi. Justeru itu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang (JPVPP) turut menggalakkan para pengusaha burung walit bagi meneroka pasaran baharu di semua negara-negara berpotensi. Berkaitan perkara ini juga, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia telah melaksanakan pendaftaran para pengeksport dan menggalakkan pengeksportan sarang burung walit ke luar negara dengan ketetapan seperti berikut:

- i. Pendaftaran dilakukan di sepanjang rantai produk sarang burung walit bermula daripada peringkat ladang (Rumah Burung Walit) sehingga ke loji pemprosesan sebagai satu kaedah kawalan daya jejak (*traceability*) yang memberi keyakinan kepada pengguna bahawa produk yang dihasilkan adalah selamat dan berkualiti.
- ii. Syarikat pengeksport perlu memenuhi keperluan dan prosedur yang telah ditetapkan oleh negara pengimport. Walau bagaimanapun, untuk pengeksportan sarang burung walit ke Negara China, syarikat perlu mendapatkan kelulusan *General Administration of Customs China* (GACC) daripada Negara China terlebih dahulu; dan
- iii. Mengadakan program promosi untuk menguar-uarkan kepada orang ramai tentang kelebihan dan khasiat yang ada pada sarang burung walit terutamanya kepada pengguna dan pengimport dari luar negara.

Garis Panduan Seragam Sarang Burung Walit Mentah untuk Dagangan (G.A.R.U.D.A) Edisi Pertama adalah inisiatif bersama antara Pusat Dagangan (EBN) (Malaysia), Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV). Dalam penerbitan buku elektronik (*e-book*) tersebut, pihak JPV berperanan dalam menyediakan input berkaitan piawaian asas mikrobiologi, nutrisi, mineral dan tahap kontaminasi yang

dibenarkan bagi memenuhi regulasi dan keperluan negara pengimport sarang burung walit.

Pelancaran *e-book* ini telah disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa MMK Pertanian Dan Industri Asas Tani Negeri Pulau Pinang pada ketika itu dan pihak Pertubuhan Usahawan Industri Desa telah mengambil inisiatif dengan mengagihkan 100 unit naskah *e-book* ini melalui JPV Negeri Pulau Pinang. Selain itu, *e-book* ini juga diberikan secara percuma kepada peserta Seminar Peningkatan Produktiviti Sarang Burung Walit Negeri Pulau Pinang Tahun 2019 yang diadakan pada 27 Ogos 2019 di Auditorium Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

- (a) Kerajaan Negeri melalui pihak JPV mengalu-alukan kerjasama dan penglibatan pihak swasta serta badan bukan kerajaan (NGO) dalam sumbangan ke arah meningkatkan produktiviti ternakan burung walit terutamanya melibatkan perkongsian ilmu pengetahuan dan pemindahan teknologi. Selain itu, pihak penerbit *e-book* ini turut memaklumkan bahawa *e-book* G.A.R.U.D.A versi 2.0 sedang dalam proses penerbitan dan dijangka akan diterbitkan pada tahun 2022.

LAMPIRAN A**PERINCIAN BANTUAN YANG DIBERIKAN JPVPP
KEPADA INDUSTRI BURUNG WALIT TAHUN 2021**

BIL	JENIS BANTUAN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
1	Menaiktaraf Infrastruktur / Peralatan untuk Peningkatan Produktiviti / Pematuhan myGAP Premis Perumahan Walit	
	i. Premis Perumahan Bermasalah - Tan Lam Hong - Muhammad Amiruddin Bin Radin Muhammad Amin	9,980.00
	ii. Premis Perumahan Ke Arah Pensijilan myGAP - Goh Meng Lye	17,337.73
	iii. Perolehan Peralatan IAT Negeri Pulau Pinang - Heong Yik Hoe - Goh Meng Lye - Tan Jiunn Chung	12,750.00
2	Perolehan Insentif Perusahaan Sarang Burung Walit	
	i. Perolehan bahan insentif bagi program pendaftaran / pemantauan / rangsangan kepada perusahaan sarang burung walit	19,125.00
	JUMLAH	59,192.73

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(B)(XVIII)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI ACHEH
YB.ZULKIFLI BIN IBRAHIM**

9. Pembinaan jalan haram di kawasan bukit semakin menjadi-jadi apabila penemuan beberapa jalan bukit yang baru dibina oleh pemilik tanah di Lot 1590, Mukim 4, Barat Daya telah mengakibatkan hakisan tanah kaung yang ketara di kawasan bukit.

(a) Nyatakan dasar Kerajaan Negeri dalam isu pembinaan jalan haram di kawasan bukit?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

9. Antara dasar Kerajaan Negeri dalam isu pembinaan jalan haram di kawasan bukit adalah seperti berikut:

(a) Seksyen 70A, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) menetapkan tiada seorang yang boleh memula atau menjalankan atau membenar supaya dimula atau dijalankan sesuatu kerja tanah tanpa kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan; dan

(b) Sebarang pembinaan melibatkan tanah bukit yang melebihi ketinggian 76 meter perlu mendapat kelulusan Jawatankuasa Tanah Berisiko yang diurusetikan oleh Jabatan Kerja Raya.

Menurut Akta Perhutanan Negara 1984, tiada seorang pun dibenarkan menjalani apa-apa jua aktiviti di dalam Hutan Simpanan Kekal tanpa kebenaran selaras Seksyen 15, 32(1), 47(1)(4), 50(4), 81, 83, 86(d) dan 98(2). Buat masa ini, tiada sebarang kebenaran yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri bagi sebarang bentuk kerja-kerja pembinaan jalan di dalam Hutan Simpanan Kekal. Sekiranya terdapat permohonan, pihak

Kerajaan Negeri akan meneliti secara menyeluruh mengikut dasar-dasar, garis panduan dan perundangan lain yang sedang berkuatkuasa termasuklah ulasan agensi teknikal terlibat sebelum suatu permohonan diluluskan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(B)(XVIII)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI ACHEH
YB.ZULKIFLI BIN IBRAHIM**

10. Merujuk kepada perbekalan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPVPP 03/07-30/2020 (B-8)) dan (JPVPP 03/07-05/2017).
- (a) Nyatakan dasar jabatan dalam keputusan mensyaratkan perolehan yang melibatkan industri khinzir kepada syarikat bumiputera sahaja, memandangkan khinzir merupakan perkara yang sensitif kepada masyarakat islam bumiputera.

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

10. Merujuk kepada perbekalan Jabatan Perkhidmatan Veterinar, rujukan: JPVPP 03/07-05/2017-Perkhidmatan Persampelan Kawalan Sumber Pencemaran Di Punca Bagi Ternakan Khinzir Di Negeri Pulau Pinang Bagi Tahun 2017 adalah bernilai RM59,872.00.

Kaedah perolehan ini telah merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan Malaysia, Kaedah Perolehan Kerajaan- PK 2.1. Di bawah pelawaan sebut harga perolehan bekalan dan perkhidmatan, perolehan yang bernilai melebihi RM50,000.00 sehingga RM100,000.00 hendaklah dipelawa secara sebut harga dalam kalangan sekurang-kurangnya lima (5) pembuat/ pembekal tempatan bertaraf Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang yang berkaitan.

Manakala, merujuk kepada perbekalan Jabatan Perkhidmatan Veterinar, rujukan: JPVPP 03/07-30/2020 (B-8) Membekal Dan Menghantar Bahan Serta Peralatan *Deep Pit* Di Ladang Penternakan Babi Bagi Program Kawalan Pencemaran Di Kawasan *Hot Spot* adalah bernilai RM47,400.00.